

Majlis Penyampaian Surat Pengiktirafan dan Dokumen SME *Special Assignment* kepada Pegawai-Pegawai Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*) JUPEM

Seramai lapan (8) orang Juruukur di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia telah diiktiraf oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam sebagai Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*) dalam bidang teras Pengukuran dan Pemetaan berkuat kuasa 1 Oktober 2019.

Sehubungan itu, majlis penyampaian surat pengiktirafan dan dokumen SME *Special Assignment* (SSA) kepada pegawai-pegawai pakar bidang khusus (*Subject Matter Expert - SME*) telah diadakan pada 22 November 2019 bertempat di Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Surat Pengiktirafan dan dokumen SME *Special Assignment* (SSA) tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sr Dr. Azhari bin Mohamed, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada para pegawai SME atas pengiktirafan ini.









